2014

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2014

13 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

18 Ekonomi Malaysia

26 *Rencana: Trend Keluaran dalam Negeri Kasar Malaysia mengikut Pendapatan*

32 Sektor Luar Negeri

41 Perkembangan Inflasi

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2014, dengan pertumbuhan serantau yang tidak sekata. Dalam ekonomi maju, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun kekal lembap, meskipun pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) terus menunjukkan tanda-tanda penambahbaikan yang lebih meluas. Di Asia, kebanyakan ekonomi mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang lebih tinggi, khususnya dari AS. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi serantau adalah pada kadar yang berbeza disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang sederhana berikutan perkembangan yang khusus di negara-negara tersebut. Dalam tempoh berikutnya, risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan muncul semula akibat perkembangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah, aktiviti ekonomi yang lebih lemah berbanding dengan jangkaan dalam beberapa ekonomi utama, dan peningkatan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi yang sedang pesat membangun, yang juga pengeluar komoditi berikutan harga tenaga yang merosot dengan ketara menjelang akhir tahun 2014. Dengan perkembangan ini dan tekanan inflasi global yang sederhana, dasar monetari kekal akomodatif merentasi rantau. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam hala tuju dasar monetari dalam kalangan ekonomi maju utama berikutan keadaan prestasi ekonomi yang semakin tidak sekata, pendirian dasar monetari masih sangat akomodatif di semua ekonomi ini.

Ekonomi global berkembang dengan sederhana

Ekonomi global kekal pada landasan peningkatan pertumbuhan yang beransur-ansur pada permulaan tahun 2014, dengan kebanyakan ekonomi maju mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi. Aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik dalam keadaan dasar monetari yang akomodatif dan kadar konsolidasi fiskal yang lebih perlahan. Peningkatan perbelanjaan pengguna di Jepun juga lebih ketara kerana jangkaan kenaikan cukai penggunaan yang dijadualkan berkuat kuasa pada bulan April. Di AS, walaupun pertumbuhan menjadi perlahan pada beberapa bulan yang awal akibat keadaan cuaca buruk yang luar biasa, kelemahan itu terbukti hanya bersifat sementara. Aktiviti ekonomi kemudiannya meningkat semula, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang semakin kukuh dan sentimen perniagaan yang mampan. Persekitaran global yang bertambah baik menyokong peningkatan prestasi eksport ekonomi-ekonomi Asia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana dalam beberapa ekonomi serantau terutamanya disebabkan oleh langkah-langkah dasar untuk menangani isu yang khusus kepada negara-negara tersebut. Yang ketara, pertumbuhan di RR China terus pada landasan pertumbuhan lebih mampan berikutan pembaharuan struktur untuk meneruskan pengimbangan semula ekonomi dan menangani bidang-bidang yang lemah.

> Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2014, dengan pertumbuhan serantau yang tidak sekata

Pada suku kedua tahun 2014, ketika momentum pertumbuhan di AS terus bertambah baik, aktiviti ekonomi dalam beberapa ekonomi utama mula menunjukkan tanda-tanda kelemahan yang berpunca daripada pelbagai faktor asas. Kelemahan ini menjadi semakin nyata menjelang suku ketiga, lantas mengakibatkan prestasi pertumbuhan dalam kalangan ekonomi utama semakin tidak sekata. Di kawasan euro, perkembangan geopolitik di Eropah Timur telah menjejaskan sentimen perniagaan. Perkembangan ini, ditambah pula dengan kekangan struktur yang berterusan, telah menjejaskan aktiviti pelaburan dan mengakibatkan momentum pertumbuhan keseluruhan yang lebih perlahan. Di Jepun, perbelanjaan pengguna merosot berikutan kenaikan cukai penggunaan pada bulan April. Memandangkan keadaan permintaan yang lemah telah menjejaskan aktiviti perniagaan, ekonomi Jepun mengalami kemelesetan teknikal pada suku ketiga,

walaupun prestasi eksportnya lebih baik. Di RR China, pelaksanaan pembaharuan struktur yang berterusan menyebabkan kelembapan aktiviti ekonomi yang lebih besar berbanding dengan jangkaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah-langkah dasar yang bersasaran secara berskala untuk menyokong sektor produktif dan sektor luar bandar telah membantu menyeimbangkan pertumbuhan keseluruhan pada tahun itu.

Berikutan prestasi beberapa ekonomi utama kekal lebih rendah daripada jangkaan, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global meningkat menjelang suku keempat tahun 2014, terutamanya selepas Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) menurunkan ramalan tentang prospek ekonomi global. Kelemahan permintaan global, berserta lebihan bekalan yang agak besar dalam pasaran minyak mentah dunia telah menyebabkan penurunan harga yang ketara bagi minyak mentah dan komoditi lain. Ketidakpastian mengenai magnitud dan tahap penurunan harga komoditi mengakibatkan peningkatan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan dalam beberapa ekonomi pengeluar komoditi yang sedang pesat membangun. Keadaan ini kemudiannya menyebabkan turun naik pasaran kewangan merentas seluruh ekonomi sedang pesat membangun, lantas menambahkan lagi kebimbangan terhadap pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, di Asia, walaupun pertumbuhan keseluruhan telah terjejas oleh perkembangan buruk dalam persekitaran luaran, pertumbuhan ekonomi terus disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport, terutamanya eksport ke AS.

Jadual 1.1

Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (Perubahan tahunan, %)		Inflasi (Perubahan tahunan, %)	
	2013	2014*a*	2013	2014*a*
Pertumbuhan Dunia	**3.3**	**3.3**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**3.4**	**3.1**	**-**	**-**
Ekonomi Maju				
Amerika Syarikat	2.2	2.4	1.5	1.6
Jepun	1.6	0.0	0.4	2.7
Kawasan euro[1]	-0.5	0.9	1.4	0.4
United Kingdom	1.7	2.6	2.6	1.5
Asia Sedang Pesat Membangun[2]	**6.5**	**6.2**	**2.8**	**2.5**
Negara Maju				
Asia yang Lain	**2.9**	**3.3**	**1.6**	**1.6**
Korea	3.0	3.3	1.3	1.3
China Taipei	2.2	3.7	0.8	1.2
Singapura	4.4	2.9	2.4	1.0
Hong Kong SAR[3]	2.9	2.3	4.3	4.4
Republik Rakyat China	**7.7**	**7.4**	**2.6**	**2.0**
ASEAN-4	**5.1**	**4.4**	**4.4**	**4.7**
Malaysia	4.7	6.0	2.1	3.2
Thailand	2.9	0.7	2.2	1.9
Indonesia	5.6	5.0	6.4	6.4
Filipina	7.2	6.1	2.9	4.2
India[4]	**5.0**	**5.8**	**10.1**	**7.2**

1 Merujuk kepada EU-18
2 Asia Sedang Pesat Membangun merujuk kepada China Taipei, Hong Kong SAR, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, RR China, Singapura dan Thailand
3 Inflasi merujuk kepada indeks harga komposit
4 Data KDNK bagi India ditunjukkan berdasarkan tahun fiskal
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Tekanan inflasi yang sederhana

Tekanan inflasi kekal sederhana dalam kebanyakan ekonomi, mencerminkan pertumbuhan gaji yang sederhana dalam ekonomi maju dan penurunan harga komoditi global yang ketara, terutamanya pada separuh tahun kedua.

Harga minyak mentah menjadi sederhana pada paras purata USD99 setong[1] pada tahun 2014 (2013: USD109 setong), dengan pergerakan harga yang agak besar pada tahun itu. Pada separuh pertama tahun 2014, harga minyak mentah mencecah paras puncak USD115 setong pada pertengahan bulan Jun, berikutan kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya gangguan bekalan dalam keadaan perkembangan geopolitik di Timur Tengah yang semakin membimbangkan. Walau bagaimanapun, permintaan global yang lebih lemah daripada jangkaan, pengeluaran yang berterusan oleh ekonomi pengeluar minyak utama dan bekalan minyak yang semakin meningkat daripada sumber bukan konvensional, terutamanya minyak *shale* di AS, telah menyebabkan lebihan bekalan yang agak besar sehingga mencetuskan penurunan besar dalam harga minyak mentah. Ketidakpastian berkaitan magnitud dan tahap penurunan harga minyak mentah telah diburukkan lagi oleh keputusan Pertubuhan Negara-negara

1 Berdasarkan harga hadapan 1 bulan minyak mentah Brent

Pengeksport Minyak (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) untuk mengekalkan paras pengeluaran minyak pada bulan November walaupun terdapat keadaan lebihan bekalan semasa dalam pasaran dunia. Memandangkan pasaran komoditi yang bercirikan pasaran kewangan lebih meluas bagi sektor tenaga sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kemerosotan dalam sentimen pasaran telah mencetuskan penurunan harga yang lebih cepat, dengan harga minyak mentah mengakhiri tahun itu pada kira-kira USD56 setong. Penurunan ini melebihi 50% daripada paras puncaknya pada tahun 2014, dan merupakan paras yang paling rendah sejak bulan Mei 2009.

Sejajar dengan penurunan harga minyak mentah, harga komoditi bukan tenaga juga menjadi lebih sederhana. Harga makanan adalah lebih rendah berikutan keadaan cuaca yang baik dan prestasi hasil yang lebih baik di kawasan penanaman utama, khususnya bagi pengeluaran jagung, kacang soya dan gandum. Harga komoditi berkaitan logam, terutamanya bijih besi dan tembaga, turut terjejas disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih lemah daripada ekonomi sedang pesat membangun yang utama, termasuk RR China.

Dalam ekonomi maju, inflasi teras, iaitu inflasi yang tidak termasuk harga makanan dan tenaga, kekal lemah dalam keadaan pertumbuhan gaji yang sederhana. Inflasi keseluruhan kekal di bawah sasaran yang ditetapkan oleh bank-bank pusat, termasuk di AS, disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang lebih rendah. Yang ketara, kawasan euro telah mencatat deflasi pada bulan Disember, apabila harga tenaga yang telah menurun dengan ketara memburukkan lagi inflasi yang sudah pun lemah. Walaupun inflasi (tidak termasuk makanan segar) di Jepun adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan cukai penggunaan, anggaran Bank of Japan (BoJ) tanpa mengambil kira kesan kenaikan cukai penggunaan menunjukkan bahawa inflasi asas kekal di bawah 1%. Di Asia, walaupun inflasi reda dalam kebanyakan ekonomi, tekanan harga kekal tinggi dalam beberapa ekonomi seperti di Indonesia, disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga bahan api yang ditadbir. Inflasi yang lebih tinggi di China Taipei dan Filipina mencerminkan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh.

Pendirian dasar global terus menyokong pertumbuhan

Dalam keadaan kebimbangan yang meningkat terhadap pertumbuhan global dan tekanan inflasi yang sederhana sepanjang tahun, pendirian dasar secara keseluruhan terus menyokong pertumbuhan dalam kebanyakan rantau. Dalam ekonomi maju, dasar monetari secara keseluruhan kekal akomodatif meskipun pendirian dasar monetari berbeza dalam ekonomi maju utama. Pihak berkuasa monetari terus bergantung pada pendirian dasar monetari (forward guidance) untuk mengurus jangkaan pasaran dan mengurangkan ketidaktentuan yang berkaitan dengan hala tuju dasar pada masa hadapan. Di samping itu, kadar konsolidasi fiskal menjadi perlahan, kecuali di Jepun apabila cukai penggunaan dinaikkan daripada 5% kepada 8% pada bulan April. Di Asia, tahap dasar monetari yang akomodatif telah ditingkatkan dalam beberapa ekonomi, manakala sokongan fiskal bersasaran telah diperkenalkan di ekonomi-ekonomi lain. Beberapa ekonomi juga mempercepat pelaksanaan pembaharuan struktur untuk mengukuhkan lagi asas-asas makroekonomi dan meningkatkan kemampanan pertumbuhan jangka sederhana.

Dalam ekonomi maju, pendirian dasar monetari menunjukkan tanda-tanda wujudnya perbezaan dalam keadaan prestasi ekonomi yang semakin tidak sekata, terutamanya pada separuh tahun kedua. Di AS, Federal Reserve (Fed) terus mengurangkan kadar pembelian aset secara beransur-ansur, dan akhirnya menghentikan semua pembelian aset pada bulan Oktober, berikutan tanda-tanda keadaan pasaran pekerja yang semakin bertambah kukuh dan peningkatan ekonomi yang lebih menyeluruh. Dengan pelarasan pendirian dasar monetari oleh Fed untuk menunjukkan bahawa ``Fed boleh bersabar untuk mula mewajarkan pendirian dasar monetari´´, jangkaan pasaran kekal bahawa usaha untuk mengembalikan semula kadar faedah ke paras yang wajar akan bermula pada tahun 2015. Sebaliknya, European Central Bank (ECB) dan BoJ telah menaikkan lagi tahap dasar monetari yang akomodatif pada separuh kedua tahun 2014 berikutan pertumbuhan ekonomi yang lemah dan tekanan disinflasi yang semakin meningkat. Yang ketara, ECB menurunkan kadar pembiayaan semula utama sebanyak 20 mata asas secara kumulatif kepada 0.05%, dan menurunkan kadar pinjaman marginal dan deposit masing-masing sebanyak 45 dan 20 mata asas kepada 0.30% dan -0.20%. Di samping itu, untuk meningkatkan saiz kedudukan kewangan ke arah tahap yang dicapai pada sekitar awal tahun 2012, ECB memperkenalkan satu siri operasi pembiayaan semula jangka lebih panjang

Jadual 1.2

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2012	2013	2014*a*	2015*r*
Penduduk (juta orang)	29.5	29.9	30.3	30.6
Tenaga kerja (juta orang)	13.1	13.6	14.0	14.4
Guna tenaga (juta orang)	12.7	13.2	13.6	14.0
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.0	3.1	2.9	3.0
Pendapatan Per Kapita (RM)	30,698	31,844	34,123	35,572
(USD)	9,938	10,106	10,426	9,914[6]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2005[1]	5.6	4.7	6.0	4.5 ~ 5.5
(RM bilion)	751.9	787.6	835.0	877.2
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1.3	2.1	2.6	0.3
Perlombongan dan kuari	1.0	0.7	3.1	3.0
Perkilangan	4.8	3.5	6.2	4.9
Pembinaan	18.6	10.9	11.6	10.3
Perkhidmatan	6.4	5.9	6.3	5.6
PNK nominal	4.9	5.2	8.4	5.5
(RM bilion)	905.9	952.6	1,032.6	1,089.4
PNK benar	3.9	5.3	6.0	5.2
(RM bilion)	693.6	730.5	774.6	814.9
Agregat permintaan dalam negeri benar[2]	10.7	7.4	6.0	6.0
Perbelanjaan swasta	11.3	8.6	8.0	6.7
Penggunaan	8.2	7.2	7.1	6.0
Pelaburan	22.8	13.1	11.0	9.0
Perbelanjaan awam	9.2	4.4	0.2	3.7
Penggunaan	5.0	6.3	4.4	2.7
Pelaburan	14.6	2.2	-4.9	5.1
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	33.0	31.2	30.9	29.8
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	125.2	108.2	125.1	94.2
Eksport	686.0	679.1	726.0	723.9
Import	560.9	570.9	601.0	629.7
Imbangan perkhidmatan	-16.2	-16.7	-20.5	-16.4
Pendapatan primer, bersih	-36.1	-34.1	-37.4	-38.0
Pendapatan sekunder, bersih	-18.5	-17.5	-17.6	-18.5
Imbangan akaun semasa	54.5	39.9	49.5	21.4
(% daripada PNK)	6.0	4.2	4.8	2.0 ~ 3.0
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	427.2	441.9	405.3	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	9.5	9.5	8.3	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)[4]	1.6	2.1	3.2	2.0 ~ 3.0
IHPR (2010=100)[5]	0.1	-1.7	1.4	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	4.7	5.8	4.4	-

[1] Mulai tahun 2012, KDNK benar telah diasaskan semula kepada harga tahun 2005, daripada harga tahun 2000 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[4] Bermula tahun 2011, Indeks Harga Pengguna merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[5] Bermula tahun 2015, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[6] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2015
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3

Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2012	2013	2014*a*
Hasil	207.9	213.4	220.6
Perbelanjaan mengurus	205.5	211.3	219.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	44.3	40.7	38.4
Imbangan keseluruhan	-42.0	-38.6	-37.4
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-4.5	-3.9	-3.5
Perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam	138.4	133.3	155.3
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-5.0	-3.9	-7.0
HUTANG LUAR NEGERI[1]			
Jumlah hutang (RM bilion)	602.1	696.6	744.7
Hutang jangka sederhana dan panjang	318.6	357.8	383.9
Hutang jangka pendek	283.5	338.8	360.8
Nisbah khidmat bayaran hutang[2] (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	17.4	17.6	18.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	17.3	17.5	18.1

WANG DAN PERBANKAN	Perubahan 2012		Perubahan 2013		Perubahan 2014	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
Bekalan wang M1	30.8	11.9	37.8	13.0	18.8	5.7
M3	111.2	9.0	107.5	7.9	101.5	7.0
Deposit sistem perbankan	109.4	8.4	116.9	8.3	116.4	7.6
Pinjaman sistem perbankan[3]	104.5	10.4	117.7	10.6	114.1	9.3
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)[4]	82.1		84.8		86.7	
Nisbah pembiayaan-deposit[4, 5]	88.7		91.3		93.3	

KADAR FAEDAH (PADA AKHIR TAHUN)	2012	2013	2014
	%	%	%
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.25
Kadar antara bank (1 bulan)	3.06	3.20	3.38
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	2.97	2.97	3.13
12 bulan	3.15	3.15	3.31
Deposit tabungan	1.03	0.99	1.07
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.53	6.53	6.79
Bil perbendaharaan (3 bulan)	3.04	3.00	3.42
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun)[6]	3.01	3.03	3.48
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun)[6]	3.24	3.66	3.84

KADAR PERTUKARAN	2012	2013	2014
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)	%	%	%
Perubahan berbanding dengan SDR	3.9	-7.3	-0.7
Perubahan berbanding dengan USD	3.9	-6.8	-6.1

[1] Seperti yang didefinisikan semula, berkuat kuasa suku pertama 2014. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014
[2] Termasuk prabayaran hutang jangka sederhana dan panjang
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Deposit tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan. Pinjaman tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang diberikan kepada institusi perbankan
[5] Pembiayaan terdiri daripada pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta institusi perbankan
[6] Merujuk kepada data daripada FAST, Bank Negara Malaysia
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

bersasaran (targeted longer-term refinancing operations, TLTROs) untuk menggalakkan pemberian pinjaman yang lebih besar oleh bank-bank di kawasan euro, dan memulakan pembelian aset bersandarkan sekuriti dan bon terlindung bermula dari bulan Oktober. Walau bagaimanapun, pasaran masih menjangka bahawa kadar inflasi akan terus menurun bagi jangka sederhana meskipun langkah-langkah ini diteruskan. Di Jepun, BoJ meningkatkan pembelian aset tahunannya kepada JPY80 trilion (sasaran sebelumnya: JPY60 ~ 70 trilion) dan beralih kepada pembelian aset secara terbuka berikutan kebimbangan yang berterusan terhadap disinflasi.


Di RR China, People's Bank of China (PBoC) menurunkan kadar faedahnya pada bulan November buat kali pertama sejak bulan Julai 2012 untuk merendahkan kadar faedah nyata dan menurunkan kos pembiayaan untuk perusahaan. Tanda aras kadar pemberian pinjaman dan deposit diturunkan masing-masing sebanyak 40 dan 25 mata asas kepada 5.60% dan 2.75%. Langkah dasar bersasaran juga diperkenalkan pada tahun itu untuk menyokong pertumbuhan dalam sektor produktif dan sektor luar bandar. Ini termasuk pemberian pinjaman yang lebih akomodatif kepada sektor pertanian dan sektor luar bandar, peningkatan pembiayaan untuk pembangunan infrastruktur, sokongan kerajaan untuk penggunaan terutamanya di kawasan luar bandar, pengurangan cukai bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan mengurangkan sekatan-sekatan ke atas pasaran harta tanah.

Di Asia, pendirian dasar monetari telah dipengaruhi terutamanya oleh pertimbangan dalam negeri. Reserve Bank of India, Bank Indonesia dan Bangko Sentral ng Pilipinas menaikkan kadar dasar utama masing-masing sebanyak 25, 25 dan 50 mata asas bagi membendung tekanan inflasi. Sebaliknya, Bank of Korea dan Bank of Thailand menurunkan kadar dasar utama mereka disebabkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih lemah daripada jangkaan. Yang penting, walaupun ekonomi serantau mengalami kebalikan aliran modal dan tekanan susut nilai mata wang yang ketara menjelang akhir tahun 2014, ekonomi-ekonomi ini kekal berdaya tahan terhadap cabaran luaran, tanpa gangguan terhadap pengantaraan kewangan dalam sistem kewangan serantau.

Untuk mengukuhkan lagi asas-asas makroekonomi dan meningkatkan prospek pertumbuhan jangka

Rajah 1.1

Pergerakan Kadar Dasar Kumulatif (2014)



Nota: Kadar dasar semasa dalam kurungan adalah pada akhir tahun 2014

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

sederhana, beberapa ekonomi di Asia telah meneruskan pelaksanaan pembaharuan struktur. Khususnya, sebilangan ekonomi di Asia, termasuk India, Indonesia dan Malaysia, memanfaatkan penurunan harga tenaga untuk merasionalisasikan subsidi bahan api dan mengukuhkan kemampanan fiskal jangka sederhana. Beberapa ekonomi serantau juga memperkenalkan langkah-langkah untuk mempertingkat daya saing PKS dan menambah baik produktiviti pekerja, seperti memberikan rebat untuk proses automasi, menggalakkan pekerjaan sepenuh masa dan mempercepat pembangunan infrastruktur.

EKONOMI MALAYSIA

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.0% pada tahun 2014 (2013: 4.7%). Pertumbuhan didorong oleh permintaan swasta dalam negeri yang terus mantap, dan diperkukuh oleh prestasi perdagangan luar negeri yang bertambah baik. Secara khusus, eksport bersih kembali pulih pada tahun 2014 untuk menyumbang secara positif kepada pertumbuhan setelah tujuh tahun berturut-turut mencatat sumbangan yang negatif, apabila eksport Malaysia menerima manfaat daripada pemulihan dalam ekonomi maju dan permintaan yang berterusan daripada rantau ini. Ini ditunjukkan oleh peningkatan permintaan yang menyeluruh merentas pasaran dan keluaran, termasuk produk elektronik dan elektrik (E&E). Dengan pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan benar mengatasi pertumbuhan import, eksport bersih mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 19.7% pada tahun 2014 (2013: -12.6%) dan menyumbang 1.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Jadual 1.4

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2005=100)

	2014*a*	2013	2014*a*	2013	2014*a*
	(%) daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**93.1**	**7.4**	**6.0**	**6.8**	**5.6**
Perbelanjaan sektor swasta	70.0	8.6	8.0	5.7	5.5
Penggunaan	*52.5*	*7.2*	*7.1*	*3.6*	*3.7*
Pelaburan	*17.5*	*13.1*	*11.0*	*2.0*	*1.8*
Perbelanjaan sektor awam	23.0	4.4	0.2	1.1	0.1
Penggunaan	*13.2*	*6.3*	*4.4*	*0.8*	*0.6*
Pelaburan	*9.8*	*2.2*	*-4.9*	*0.2*	*-0.5*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*27.3*	*8.5*	*4.7*	*2.3*	*1.3*
Perubahan dalam Stok				**-0.9**	**-0.9**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**8.0**	**-12.6**	**19.7**	**-1.1**	**1.4**
Eksport	*88.8*	*0.6*	*5.1*	*0.6*	*4.6*
Import	*80.8*	*2.0*	*3.4*	*1.7*	*3.2*
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0**	**4.7**	**6.0**	**4.7**	**6.0**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus menjadi peneraju utama pertumbuhan, walaupun pada kadar pertumbuhan lebih sederhana, yang didorong oleh aktiviti sektor swasta. Penggunaan swasta disokong oleh peningkatan pendapatan yang menggalakkan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Bantuan Kerajaan yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memberikan sokongan tambahan kepada penggunaan swasta meskipun inflasi lebih tinggi pada tahun itu. Pelaburan swasta terus meningkat pada kadar dua angka, didorong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor-sektor ini mendapat manfaat daripada persekitaran luaran yang bertambah baik serta penggunaan dalam negeri yang mampan. Sejajar dengan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal, jumlah perbelanjaan sektor awam hanya menyumbang sedikit kepada pertumbuhan pada tahun 2014. Inisiatif pengurangan kos oleh Kerajaan untuk

Jadual 1.5

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2005=100)

	2014*a*	2013	2014*a*	2013	2014*a*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Perkhidmatan	55.3	5.9	6.3	3.2	3.5
Perkilangan	24.6	3.5	6.2	0.9	1.5
Perlombongan dan kuari	7.9	0.7	3.1	0.1	0.3
Pertanian	6.9	2.1	2.6	0.2	0.2
Pembinaan	3.9	10.9	11.6	0.4	0.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0**[1]	**4.7**	**6.0**	**4.7**	**6.0**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

mengurangkan perbelanjaan budi bicara yang diumumkan pada akhir tahun 2013, khususnya bagi perjalanan, makanan dan minuman serta sewa, sebahagiannya telah mengakibatkan pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana pada tahun 2014. Sementara itu, pelaburan awam menguncup berikutan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan dan juga perusahaan awam. Perbelanjaan modal yang rendah oleh perusahaan awam disebabkan oleh beberapa projek utama yang telah disiapkan atau hampir siap pada tahun itu.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.0% pada tahun 2014, didorong oleh permintaan swasta dalam negeri dan pertumbuhan eksport bersih yang positif

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2014. Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan, disokong terutamanya oleh subsektor

Keadaan Pasaran Pekerja yang Stabil

Pada tahun 2014, pasaran pekerja kekal stabil, apabila pertumbuhan yang berterusan di semua sektor ekonomi mengekalkan permintaan terhadap pekerja. Kadar pengangguran menurun kepada 2.9% (2013: 3.1%), manakala kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 67.5% (2013: 67.0%), disokong oleh penyertaan tenaga kerja wanita yang lebih tinggi. Pemberhentian pekerja, seperti yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia, juga lebih rendah, iaitu 10,431 pekerja (2013: 11,195 pekerja) (Jadual 1).

Jadual 1

Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih

	2010	2011	2012	2013	2014*a*
Guna tenaga ('000 orang)	11,900	12,284	12,723	13,210	13,576[1]
Tenaga kerja ('000 orang)	12,304	12,676	13,120	13,635	13,977[1]
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.3	3.1	3.0	3.1	2.9[1]
Pemberhentian pekerja (bil. orang)	7,085	9,450	11,494	11,195	10,431
Pekerja asing ('000 orang)	1,818	1,573	1,572	2,250	2,073

a Awalan


[1] Berdasarkan guna tenaga purata bagi tempoh Januari-Disember 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Kementerian Sumber Manusia; dan Kementerian Dalam Negeri

Jumlah guna tenaga meningkat kepada 13.6 juta pekerja (2013: 13.2 juta pekerja) dengan tambahan bersih sebanyak 366,300 pekerjaan. Tambahan bersih kepada jumlah guna tenaga sebahagian besarnya adalah dalam sektor perkhidmatan (351,900 pekerjaan), khususnya dalam subsektor perdagangan edaran, penginapan dan restoran. Guna tenaga dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 58,200 pekerjaan, namun kehilangan pekerjaan bersih dicatat dalam sektor pembinaan dan komoditi (masing-masing berkurang sebanyak 18,500 dan 25,400 pekerjaan). Dari segi tahap kemahiran, peningkatan guna tenaga sebahagian besarnya adalah dalam pekerjaan berkemahiran tinggi, manakala guna tenaga tambahan bersih dalam pekerjaan berkemahiran rendah secara relatifnya masih lagi rendah (Rajah 1). Bilangan pekerja asing yang berdaftar menurun kepada 2.07 juta pekerja (2013: 2.25 juta pekerja), dengan kebanyakan penurunan tersebut berlaku dalam sektor pertanian dan perkilangan.

Rajah 1

Pertumbuhan Guna Tenaga Mengikut Tahap Kemahiran




a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Pertumbuhan Produktiviti Pekerja Mengikut Sektor



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja, meningkat sebanyak 3.2% (2013: 0.9%), didorong terutamanya oleh peningkatan produktiviti dalam sektor komoditi dan perkilangan. Walau bagaimanapun, produktiviti pekerja dalam sektor perkhidmatan kekal sederhana (Rajah 2). Menurut laporan Kaji Selidik Gaji Eksekutif dan Bukan Eksekutif 2014 yang dijalankan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federation, MEF), gaji dalam sektor swasta terus meningkat, seperti yang dicerminkan oleh kenaikan gaji purata 5.4% (2013: 6.6%). Berdasarkan kaji selidik tersebut, pekerja eksekutif menerima kenaikan gaji 5.5% (2013: 6.3%), manakala pekerja bukan eksekutif mencatat kenaikan gaji 5.4% (2013: 6.7%).

yang memenuhi permintaan dalam negeri. Prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih teguh serta perkembangan industri berorientasikan dalam negeri menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkilangan yang kukuh pada tahun itu. Sektor pembinaan terus berkembang pada kadar dua angka, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman, dan seterusnya disokong oleh projek infrastruktur di bawah subsektor kejuruteraan awam.

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan meskipun berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 6.0% pada tahun 2014 (2013: 7.4%). Walaupun permintaan swasta dalam negeri kekal kukuh, khususnya pada separuh tahun pertama, perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, berikutan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam penggunaan awam dan penurunan dalam pelaburan awam.

Penggunaan swasta kekal teguh, disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh

Penggunaan swasta meningkat 7.1% pada tahun 2014 (2013: 7.2%), disokong oleh faktor asas yang kukuh, yang membantu mengimbangi kesan buruk daripada kenaikan inflasi yang didorong oleh kos. Pertumbuhan pendapatan isi rumah adalah menggalakkan, manakala keadaan pasaran pekerja kekal stabil pada tahun itu. Gaji nominal dalam industri perkilangan berorientasikan eksport mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 5.7% (2013: 7.3%), hasil daripada permintaan luar negeri yang lebih baik.

Gaji pekerja industri berorientasikan dalam negeri terus meningkat, meskipun pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 5.6% (2013: 14.2%), apabila kesan gaji minimum yang dilaksanakan pada tahun 2013 beransur-ansur luput. Kadar pengangguran yang lebih rendah, sebanyak 2.9% (2013: 3.1%) dan peningkatan jumlah guna tenaga kepada 13.6 juta pekerja (2013: 13.2 juta pekerja) turut memberikan sokongan kepada penggunaan swasta. Di samping itu, isi rumah yang mempunyai rekod kepercayaan kredit terus mendapat akses kepada pembiayaan, seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan yang positif dalam kredit penggunaan terkumpul kepada isi rumah sebanyak 3.7% pada tahun 2014 (2013: 8.3%). Kos sara hidup yang lebih tinggi yang disebabkan sebahagiannya oleh pelarasan harga ditadbir, telah menjadi cabaran kepada perbelanjaan isi rumah, terutamanya pada separuh tahun pertama. Walau bagaimanapun, bantuan bersasaran Kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana mengimbangi sebahagian daripada kesan kenaikan harga terhadap perbelanjaan isi rumah. Ini termasuklah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), yang telah meningkat dari segi jumlah pemberian bagi setiap penerima dan juga bilangan penerima, serta pemberian sekali sahaja kepada pesara sebanyak RM250.

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 4.4% pada tahun 2014 (2013: 6.3%). Walaupun perbelanjaan untuk emolumen adalah mampan, perbelanjaan Kerajaan untuk bekalan dan perkhidmatan menjadi sederhana pada tahun itu. Secara khusus, inisiatif pengurangan kos yang diumumkan pada akhir tahun 2013 telah menyebabkan penurunan perbelanjaan budi bicara, khususnya untuk belanja perjalanan, makanan dan minuman serta bayaran sewa.

Pada tahun 2014, **pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** mencatat pertumbuhan yang lebih rendah, sebanyak 4.7% (2013: 8.5%) disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pelaburan

Semua Sektor Ekonomi Mencatat Pertumbuhan yang lebih Tinggi

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2014, didorong oleh aktiviti dalam negeri dan prestasi perdagangan luar negeri yang bertambah baik.


Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.3% pada tahun 2014 (2013: 5.9%) dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan (3.5 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan). Pertumbuhan sektor ini disokong terutamanya oleh subsektor yang memenuhi permintaan dalam negeri. Secara khususnya, subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan lebih tinggi sejajar dengan perbelanjaan isi rumah yang terus kukuh. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal mantap didorong oleh permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang kukuh. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan mencatat prestasi yang mampan, disokong terutamanya oleh aktiviti berkaitan dengan perdagangan. Pertumbuhan dalam subsektor kewangan dan insurans meningkat sedikit disebabkan oleh pertumbuhan dalam segmen insurans yang lebih tinggi.

Sektor perkilangan berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 6.2% (2013: 3.5%), disebabkan oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh di samping industri berorientasikan dalam negeri yang berkembang. Industri berorientasikan eksport didorong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan kelompok E&E yang ketara, terutamanya pada separuh pertama tahun 2014, sejajar dengan peningkatan permintaan global. Peningkatan dalam kelompok berkaitan sumber disebabkan oleh permintaan serantau yang meningkat. Pertumbuhan industri berorientasikan dalam negeri disokong oleh perbelanjaan penggunaan yang mampan dan aktiviti pembinaan dalam negeri yang mantap.

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 11.6% pada tahun 2014 (2013: 10.9%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan subsektor kediaman dan bukan kediaman yang lebih kukuh. Pertumbuhan subsektor kediaman yang memberangsangkan disebabkan oleh kemajuan yang berterusan dalam projek perumahan mewah di Johor, Lembah Klang dan Pulau Pinang, sementara aktiviti pembinaan dalam subsektor bukan kediaman disokong oleh projek komersial dan perindustrian. Subsektor kejuruteraan awam terus memberikan sokongan kepada sektor ini melalui projek infrastruktur sedia ada dan baharu.

Rajah 1

KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor pertanian adalah lebih kukuh sebanyak 2.6% (2013: 2.1%) disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi berikutan keadaan cuaca yang baik, terutamanya pada pertengahan tahun 2014. Selain itu, pertumbuhan ini disokong oleh pengeluaran tanaman makanan yang lebih tinggi, terutamanya ternakan ayam itik dan sayur-sayuran yang turut memberikan sokongan kepada sektor ini pada tahun 2014.

Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 3.1% (2013: 0.7%) hasil daripada peningkatan pengeluaran gas asli dan minyak mentah. Permintaan yang berterusan terhadap gas asli cecair (LNG) dari Asia Utara mendorong peningkatan pengeluaran gas asli, manakala pengeluaran minyak mentah mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, terutamanya pada separuh kedua tahun 2014. Ini mencerminkan terutamanya permulaan pengeluaran dari medan minyak utama yang baharu, iaitu Gumusut-Kakap di luar pesisir Sabah.


awam sebanyak 4.9%. Bahagian pelaburan swasta kepada PMTK meningkat kepada 64% (2013: 60%), menunjukkan pertumbuhan yang berterusan dalam pelaburan swasta, terutama sekali pada separuh pertama tahun itu.

Meskipun pelaburan swasta terus berkembang, kadar aktiviti pelaburan keseluruhan menjadi sederhana disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh sektor awam

Pada tahun itu, PMTK disokong terutamanya oleh pelaburan dalam struktur, serta jentera dan kelengkapan. Pertumbuhan pelaburan dalam struktur kekal teguh pada 9.9% (2013: 11%), berikutan prestasi yang kukuh merentas kesemua subsektor pembinaan. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan mencatat penurunan sebanyak 0.3% (2013: 5.8%), sebagaimana yang ditunjukkan oleh pengurangan dalam import kelengkapan pengangkutan seperti pesawat dan kapal, import kelengkapan pejabat serta import kelengkapan pembinaan dan perlombongan, terutamanya pada separuh tahun kedua. Aktiviti pelaburan yang sederhana sebahagiannya turut disebabkan oleh beberapa projek utama yang hampir siap, khususnya dalam sektor perlombongan.

Rajah 1.2

Pelaburan Swasta Benar Mengikut Sektor



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pelaburan swasta terus berkembang pesat pada kadar 11.0% (2013: 13.1%). Pelaburan dalam sektor perkilangan (26% daripada pelaburan swasta) meningkat pada tahun 2014, berikutan pemulihan yang berterusan dalam persekitaran luaran dan penggunaan dalam negeri yang mampan. Pelaburan disalurkan ke dalam industri berorientasikan eksport, seperti E&E dan perkilangan berasaskan sumber, dan juga ke dalam industri berorientasikan dalam negeri, khususnya pemprosesan makanan dan kelengkapan pengangkutan.

Trend yang sama juga diperhatikan dalam sektor perkhidmatan (bahagian sebanyak 51% daripada pelaburan swasta), iaitu perbelanjaan modal turut disokong oleh pelaburan dalam industri perkhidmatan berorientasikan dalam negeri dan eksport. Perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan dalam negeri kebanyakannya disalurkan ke dalam subsektor perdagangan edaran, telekomunikasi, perkhidmatan perniagaan dan penjagaan kesihatan swasta. Bagi subsektor berorientasikan eksport, perbelanjaan modal disalurkan untuk pembinaan dan pembesaran infrastruktur berkaitan dengan pelancongan, seperti hotel dan taman tema serta usaha menaik taraf pelabuhan dan terminal penyimpanan petroleum. Pelaburan untuk harta tanah kediaman terus meningkat dengan kemajuan yang berterusan dalam kerja-kerja pembinaan kediaman yang dijalankan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, bahagian pelaburan kediaman kepada pelaburan swasta masih tidak berubah pada kadar 17%, memandangkan pelaburan dalam sektor lain juga mengalami pertumbuhan yang kukuh pada tahun itu.

Pelaburan dalam sektor perlombongan (bahagian sebanyak 16% daripada pelaburan swasta) kekal kukuh, meskipun mencatat sedikit penurunan, disebabkan perbelanjaan modal dalam projek huluan utama yang sudah selesai pada tahun 2014. Projek ini termasuklah medan minyak laut dalam Gumusut-Kakap dan penemuan minyak yang lebih banyak daripada medan minyak Tapis.

Pelaburan awam mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 4.9% pada tahun 2014 (2013: 2.2%) berikutan pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh perusahaan awam. Perbelanjaan perusahaan awam untuk aset tetap yang lebih rendah mencerminkan beberapa projek yang telah disiapkan

Menyangkal Mitos Mengenai Pelaburan di Malaysia

Sejak tahun 2010, pelaburan swasta di Malaysia telah meningkat pada kadar dua angka, setelah mencatat pertumbuhan yang secara relatifnya rendah dalam tempoh lima tahun. Walau bagaimanapun, beberapa tanggapan yang salah telah timbul berkaitan dengan perkembangan positif ini.


Mitos #1: Prestasi pelaburan yang kukuh telah dipacu oleh Kerajaan dan perusahaan berkaitan Kerajaan

Salah tanggapan yang biasa berlaku adalah mengenai pelaburan yang dibuat oleh perusahaan awam yang dikendalikan secara komersial, seperti PETRONAS, atau dalam projek infrastruktur awam, seperti MRT, yang diklasifikasikan sebagai pelaburan swasta. Sebaliknya, pelaburan jenis ini diklasifikasikan sebagai pelaburan awam, di samping pelaburan lain oleh Sektor Kerajaan di bawah Sistem Akaun Negara 2008[1].

Pada tahun 2014, pelaburan sektor swasta mencakupi 64% daripada jumlah pelaburan. Pelaburan awam merupakan 36% sahaja daripada jumlah pelaburan. Sebanyak 72% daripada pelaburan awam ini terdiri terutamanya daripada entiti yang dikendalikan secara komersial seperti PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia. Hanya 28% daripada pelaburan sektor awam dibuat oleh Sektor Kerajaan, yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Rajah 1

Jumlah Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) Mengikut Sektor pada Tahun 2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Mitos #2: Kebanyakan pelaburan adalah dalam sektor harta tanah

Harta tanah kediaman: Pada tahun 2014, pelaburan dalam harta tanah kediaman (juga dirujuk sebagai pelaburan kediaman) mencakupi 17% sahaja daripada pelaburan swasta. Bahagian pelaburan ini telah menurun sedikit daripada 18% pada tahun 2005, dan lebih rendah atau setara dengan bahagian pelaburan kediaman di negara-negara lain[2] (contoh, UK: 39%; AS: 20%; Australia: 20%; Korea: 14%).


Harta benda luas: Bahagian pelaburan dalam sektor harta benda luas yang terdiri daripada harta kediaman, ruang pejabat dan komersial, kekal pada 18% daripada jumlah pelaburan sejak tahun 2005.

[1] Sistem Akaun Negara 2008 (System of National Accounts 2008, 2008 SNA) ialah piawaian statistik antarabangsa untuk akaun negara, yang digunakan oleh United Nations Statistical Commission (UNSC). Penyusunan statistik akaun negara bagi Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah berdasarkan 2008 SNA.

[2] Sumber: Pangkalan data CEIC

Rajah 2

Pelaburan Swasta Benar Mengikut Sektor



a Anggaran

Nota: Pelaburan kediaman telah diklasifikasikan di bawah sektor perkhidmatan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Walau bagaimanapun, komposisi pelaburan perkhidmatan antara kediaman dengan bukan kediaman tidak disiarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dan dianggarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Mitos #3: Perbelanjaan modal tertumpu pada industri minyak dan gas

Sektor perlombongan, yang terdiri terutamanya daripada industri huluan minyak dan gas, hanya mencakupi 16% daripada pelaburan swasta dan kira-kira 19% daripada jumlah PMTK pada tahun 2014. Dari segi sumbangan kepada pertumbuhan, sektor perlombongan menyumbang sebanyak 1.1 mata peratusan kepada pertumbuhan pelaburan swasta. Perbelanjaan modal sektor ini mencapai paras tertinggi pada tahun 2012, disebabkan terutamanya oleh permulaan secara serentak beberapa projek utama minyak dan gas di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), seperti aktiviti penerokaan laut dalam di Gumusut-Kakap dan pemulihan minyak di medan minyak Tapis yang dipertingkatkan.


Pada masa hadapan, bahagian pelaburan dalam sektor minyak dan gas dijangka berkurang sedikit, tetapi terus disokong oleh projek baharu yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, termasuk Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Pengerang Integrated Petroleum Complex, PIPC).

Mitos #4: Pelaburan swasta di Malaysia dilaksanakan terutamanya oleh entiti asing

Pada tahun 2014, dianggarkan bahawa 19% daripada pelaburan swasta telah disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI). Sumbangan ini telah menurun daripada kira-kira 35% pada tahun 2007. Sebahagian besar daripada pelaburan swasta terus dibuat oleh syarikat Malaysia dan dibiayai oleh sumber dalam negeri melalui sistem perbankan, dana syarikat dan pasaran modal.

Rajah 3

Pelaburan Swasta Mengikut Sumber



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia


Trend Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia mengikut Pendapatan

Pengenalan

Pada bulan Julai 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerbitkan Keluaran Dalam Negeri Kasar nominal mengikut Pendapatan (KDNKP) bagi Malaysia, yang meliputi data tahunan bagi tempoh tahun 2005-2013. Pendekatan berasaskan pendapatan ini melengkapkan pengiraan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sedia ada yang menggunakan pendekatan pengeluaran dan perbelanjaan, lantas menyediakan maklumat yang lebih menyeluruh berkenaan ekonomi Malaysia. KDNKP mengukur jumlah pendapatan pemilik modal, pekerja dan kerajaan yang dijana melalui aktiviti pengeluaran (United Nations, 2004). Tiga komponen KDNKP ialah: (i) Pampasan Pekerja (PP, selepas ini dirujuk sebagai pendapatan pekerja); (ii) Lebihan Kendalian Kasar (LKK, selepas ini dirujuk sebagai pendapatan modal); dan (iii) Cukai tolak Subsidi bagi Pengeluaran dan Import (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1

KDNKP Terdiri daripada Tiga Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dengan merujuk kepada siaran data KDNKP, rencana ini memberikan analisis awal tentang trend pendapatan pekerja dan pendapatan modal, dengan tumpuan yang khusus pada bahagian pendapatan pekerja di Malaysia.


Trend pertumbuhan pendapatan pekerja dan pendapatan modal

Trend kadar pertumbuhan komponen KDNKP berbanding dengan KDNK keseluruhan ditunjukkan dalam Rajah 1. Rajah ini menunjukkan kadar pertumbuhan pendapatan pekerja adalah lebih stabil berbanding dengan pendapatan modal sepanjang tempoh itu. Trend ini mencerminkan kenyataan bahawa gaji secara amnya cenderung untuk menjadi lebih lekit (sticky), dan perubahan terhadap pendapatan keseluruhan adalah lebih berkemungkinan dipengaruhi oleh pulangan ke atas modal. Ini dapat diperhatikan semasa kemuncak krisis kewangan yang melanda negara maju pada tahun 2009, apabila penguncupan KDNK nominal dicerminkan oleh pendapatan modal dan juga pendapatan pekerja, tetapi lebih ketara dalam pendapatan modal berbanding dengan pendapatan pekerja.

Rajah 2 menunjukkan prestasi pendapatan pekerja dan pendapatan modal mengikut sektor ekonomi sejak beberapa tahun yang lepas. Antara tahun 2005 hingga 2013, pendapatan pekerja meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 9.5%, mengatasi pertumbuhan pendapatan modal sebanyak 7.4%. Trend ini dicerminkan sebahagiannya oleh prestasi pertumbuhan pendapatan pekerja yang kukuh dalam sektor perkhidmatan, pembinaan dan perlombongan. Dalam sektor perkhidmatan, pendapatan pekerja mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 10.7% setahun, manakala pendapatan modal meningkat 8.1%. Hampir kesemua subsektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan pendapatan pekerja yang lebih tinggi berbanding dengan pendapatan modal, kecuali bagi subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pendapatan pekerja juga berkembang pada kadar pertumbuhan dua angka masing-masing sebanyak 13.1% dan 10.2% dalam sektor pembinaan dan perlombongan, sekali gus mengatasi pertumbuhan purata pendapatan modal.

Rajah 1


Kadar Pertumbuhan Pendapatan Pekerja dan Pendapatan Modal Bergerak Seiring dengan KDNK Nominal



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2


Pertumbuhan Purata Pendapatan Pekerja Mengatasi Pertumbuhan Pendapatan Modal, Didorong oleh Sektor Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 3

Komponen Terbesar KDNKP ialah Pendapatan Modal



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 4

Bahagian Pendapatan Pekerja Telah Meningkat Sejak Tahun 2005



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Trend bahagian pendapatan pekerja

Dari segi bahagian, pendapatan modal membentuk komponen terbesar KDNKP (Rajah 3). Namun, dengan pertumbuhan pendapatan pekerja mengatasi pertumbuhan pendapatan modal, bahagian pendapatan pekerja kepada KDNK telah meningkat dengan kukuh daripada 29.5% pada tahun 2005 kepada 33.6% pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, mengikut takrifan, komponen pendapatan pekerja dalam KDNKP tidak termasuk pendapatan yang diperoleh individu yang bekerja sendiri[1]. Oleh yang demikian, untuk lebih mewakili pendapatan pekerja keseluruhan yang sebenar, Gollin (2002) menyarankan supaya anggaran pendapatan yang diperoleh pekerja yang bekerja sendiri dimasukkan sekali, terutama bagi negara yang mempunyai bilangan individu bekerja sendiri yang besar (lihat ruangan Rencana Penerangan). Dengan pelarasan ini, bahagian pendapatan pekerja bagi Malaysia adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak purata 8.0 mata peratusan sepanjang tempoh tersebut (Rajah 4).

[1] Salah satu subkomponen pendapatan modal ialah pendapatan campuran (Gambar Rajah 1), iaitu pendapatan terakru kepada individu yang bekerja sendiri atau perniagaan yang tidak diperbadankan. Walau bagaimanapun, perincian pendapatan campuran dalam KDNKP tidak dapat diperoleh.

Rencana Penerangan: Menyelaraskan pendapatan pekerja dengan menggabungkan pendapatan pekerja bergaji dan yang bekerja sendiri

Di Malaysia, individu yang bekerja sendiri mencakupi 21% daripada jumlah guna tenaga (Kajian Tenaga Kerja Malaysia 2013 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia). Oleh itu, komponen pendapatan pekerja dalam KDNKP, dari segi takrifan, mungkin terkurang anggaran jumlah pendapatan sebenar yang terakru kepada pekerja. Mengikut saranan Gollin (2002), pendapatan pekerja dilaraskan dengan memasukkan anggaran pendapatan mereka yang bekerja sendiri. Anggaran pendapatan mereka yang bekerja sendiri ini dikeluarkan daripada pendapatan modal dan ditambah kepada pendapatan pekerja, seterusnya menghasilkan pendapatan pekerja terselaras.

Kedua-dua ukuran yang terselaras dan tidak terselaras ini memaparkan trend menaik yang serupa bagi bahagian pendapatan pekerja antara tahun 2005 hingga 2013. Menjelang tahun 2013, pendapatan pekerja yang dilaraskan termasuk mereka yang bergaji dan yang bekerja sendiri mencakupi 42.1% daripada jumlah KDNK. Lantaran itu, pendapatan modal yang dilaraskan telah menurun daripada 58.1% daripada jumlah KDNK pada tahun 2005 kepada 55.7% pada tahun 2013.


Perbandingan silang negara bagi bahagian pendapatan pekerja

Walaupun terdapat trend yang semakin meningkat, bahagian pendapatan pekerja di Malaysia secara relatifnya kekal rendah berbanding dengan ekonomi berpendapatan sederhana tinggi yang lain (Rajah 5), sekalipun selepas mengambil kira pendapatan mereka yang bekerja sendiri. Di dalam rantau ini, bahagian pendapatan pekerja terselaras Malaysia (42.1%) adalah lebih rendah berbanding dengan Korea (54%) dan Singapura (44%).

Walaupun keadaan ini boleh dianggap membimbangkan, namun penting untuk diberikan perhatian bahawa bahagian pendapatan pekerja yang lebih tinggi tidak semestinya sepadan dengan gaji purata yang lebih tinggi. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5 dan 6, misalnya, Brazil dan India mempunyai bahagian pendapatan pekerja yang lebih tinggi berbanding dengan Malaysia, tetapi gaji purata bulanan yang lebih rendah. Sebaliknya, Singapura mempunyai bahagian pendapatan pekerja yang secara relatif rendah,

Rajah 5


Bahagian Pendapatan Pekerja Tinggi Tidak Semestinya Sepadan dengan Gaji Purata Tinggi



Sumber: Penn World Table; Statista; Jabatan Perangkaan Malaysia; dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 6

Gaji Purata Tinggi Pada Umumnya Sepadan dengan Produktiviti Pekerja



Sumber: The Conference Board; Statista; Jabatan Perangkaan Malaysia; dan anggaran Bank Negara Malaysia

tetapi tahap gaji purata yang tinggi. Yang ketara, kebanyakan ekonomi maju cenderung untuk mempunyai kedua-dua gaji purata yang tinggi serta bahagian pendapatan pekerja yang lebih tinggi.


Variasi silang negara (cross-country variations) ini adalah hasil daripada perbezaan struktur ekonomi. Ekonomi yang banyak terlibat dengan industri produktiviti rendah dan lebih berintensifkan pekerja cenderung mempunyai gaji purata yang lebih rendah, tetapi akan mempunyai bahagian pendapatan pekerja yang tinggi dalam KDNKP disebabkan oleh keperluan jumlah pekerja berkemahiran rendah yang besar. Sebaliknya, ekonomi dengan tahap produktiviti yang lebih tinggi seperti Korea dan Australia dicirikan oleh aktiviti nilai ditambah yang tinggi dengan jumlah pekerjaan berkemahiran tinggi yang besar. Ekonomi ini cenderung untuk menikmati gaji purata yang tinggi, dan seterusnya sepadan dengan bahagian pendapatan pekerja yang tinggi. Ini disokong oleh Rajah 6, yang menunjukkan bahawa gaji purata cenderung untuk mengikuti tahap produktiviti ekonomi. Ini menekankan lagi kenyataan bahawa aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah dan tahap produktiviti yang tinggi adalah diperlukan untuk menaikkan gaji purata dan seterusnya bahagian pendapatan pekerja dalam sesebuah ekonomi.

Analisis sektor bahagian pendapatan pekerja dan gaji purata di Malaysia

Di Malaysia khususnya, analisis sektor dijalankan dengan mengklasifikasikan industri kepada tiga kategori yang umum[2] berdasarkan tahap kebergantungan kepada pekerja dan kualiti pekerja yang digunakan sebagai faktor pengeluaran, berbanding dengan modal. Kategori pertama ialah industri intensif pekerja,

Rajah 7

Bahagian Pendapatan Pekerja yang Tinggi Tidak Semestinya Sepadan dengan Gaji Purata yang Tinggi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[2] Pengelasan industri kepada intensif pekerja, intensif modal dan intensif ilmu pengetahuan telah diambil daripada laporan berkenaan pembangunan pasaran pekerja global yang diterbitkan oleh McKinsey pada tahun 2012.

yang mempunyai jumlah pekerja yang besar berbanding dengan modal. Ini termasuk industri perladangan, perkhidmatan hotel dan restoran, pembinaan dan industri perkilangan perabot dan pakaian. Industri intensif modal, seperti industri minyak dan gas serta industri pembuatan keluli yang direka, sebaliknya, mempunyai nisbah modal terhadap pekerja yang lebih besar[3]. Kategori ketiga, industri intensif pengetahuan, merujuk kepada industri dengan bahagian pekerja berkemahiran tinggi yang besar[4], seperti industri mereka bentuk dan membangunkan produk elektronik dan elektrik serta industri perkhidmatan profesional.

Rajah 7 memberikan gambaran sepintas lalu bagi bahagian pendapatan pekerja terselaras dan gaji purata[5] merentas seluruh industri di Malaysia. Seperti juga dengan pemerhatian silang negara, variasi dalam bahagian pendapatan pekerja di seluruh industri tidak semestinya sepadan dengan variasi dalam tahap gaji purata. Sebagai contoh, bahagian pendapatan pekerja dalam industri intensif pekerja lazimnya lebih tinggi daripada purata, tetapi tahap gaji purata adalah lebih rendah berbanding dengan purata negara. Ini mungkin disebabkan oleh pergantungan industri ini kepada kumpulan pekerja berkemahiran rendah dan berproduktiviti rendah yang besar, termasuk pekerja asing yang berkemahiran rendah[6], di samping kadar penerapan teknologi mereka yang perlahan.

Sebaliknya, gaji dalam beberapa industri intensif modal cenderung untuk menjadi lebih tinggi berbanding dengan paras purata, walaupun bahagian pendapatan pekerja adalah lebih rendah berbanding dengan paras purata. Ini boleh diperhatikan terutamanya dalam industri yang menggunakan jentera dan proses automasi yang canggih dan kompleks, yang memerlukan jumlah pekerja yang kurang tetapi kebanyakannya adalah pekerja berkemahiran tinggi. Industri minyak dan gas, dan produk berkaitan petroleum ialah beberapa contoh bagi kategori ini.

Yang lebih menarik, industri berasaskan pengetahuan mempunyai paras gaji dan bahagian pendapatan pekerja yang lebih tinggi berbanding dengan paras purata. Ini disebabkan industri tersebut bergantung pada pekerja yang berkemahiran tinggi, yang memperoleh gaji yang lebih tinggi. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8, memandangkan pekerja berkemahiran tinggi lazimnya lebih produktif, gaji yang diperoleh pekerja ini cenderung untuk menjadi lebih tinggi. Ini juga konsisten dengan pemerhatian awal yang diperoleh daripada perbandingan silang negara.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, KDNK mengikut pendekatan pendapatan menunjukkan jumlah pendapatan yang terakru kepada isi rumah dan firma yang terlibat dalam aktiviti yang produktif dalam sesebuah ekonomi. Di Malaysia, secara purata, pendapatan modal merupakan komponen terbesar KDNKP. Walau bagaimanapun, bahagian pendapatan pekerja telah meningkat secara beransur-ansur antara tahun 2005 hingga 2013. Analisis yang dipaparkan dalam rencana ini menyokong lagi keperluan Malaysia untuk terus memberi tumpuan pada strategi untuk meningkatkan paras gaji purata, yang hasilnya akan menaikkan bahagian pendapatan pekerja. Ini boleh dicapai dengan menggalakkan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan dengan menarik pelaburan yang berkualiti, terutamanya dalam industri yang intensif pengetahuan, yang akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi. Sama pentingnya ialah strategi untuk meningkat produktiviti dalam kesemua aktiviti ekonomi melalui penggunaan teknologi yang lebih canggih dan meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja secara keseluruhan. Akhir sekali, pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi secara menyeluruh kekal penting untuk negara terus mara bagi mencapai kemajuan ke arah menjadi ekonomi yang berproduktiviti tinggi dan berpendapatan tinggi.

[3] Nisbah pekerja kepada modal dan nisbah modal kepada pekerja diwakili dengan mengambil nisbah guna tenaga kepada aset tetap, dan begitu juga sebaliknya.


[4] Pekerja berkemahiran tinggi merujuk kepada pekerjaan dalam pengurusan, profesional dan eksekutif, juruteknik dan profesional bersekutu.

[5] Di dalam rencana ini, gaji digunakan untuk merujuk kepada gaji asas, bonus, komisen, bayaran lebih masa, bayaran pembuangan pekerja dan elaun, sebelum ditolak caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), skim keselamatan sosial dan potongan lain.

[6] Bahagian pekerja asing adalah tinggi terutamanya dalam sektor perladangan kelapa sawit (hampir 80% daripada tenaga kerja) dan dalam pembinaan dan perkilangan keluaran berkaitan kayu (36% dan 31% daripada tenaga kerja dalam industri masing-masing). Bahagian pekerja asing purata negara ialah 17% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2013.

Rajah 8

Hubungan Positif antara Bahagian Pekerjaan yang Memerlukan Kemahiran Tinggi dengan Gaji Purata bagi Setiap Pekerja



Nota: Saiz gelembung mewakili saiz pekerjaan setiap industri secara relatif kepada jumlah tenaga kerja

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rujukan

Guerriero, M. (2012). `The Labour Share of Income Around the World: Evidence from a Panel Dataset.´ *Development Economics and Public Policy Working Paper Series WP32/2012.*

Gollin, D. (2002). `Getting Income Shares Right.´ *Journal of Political Economy, 110(2)*, 458-474.

Inklaar, R. & Timmer, M. (2013). `Capital, Labor and TFP in PWT8.0.´ *PWT Research Paper Series from Groningen Growth and Development Centre, University of Groningen.*

McKinsey Global Institute. (2012). *The World at Work: Jobs, Pay and Skills for 3.5 billion People <www.mckinsey.com/mgi>*

Spiezia, V. (2012). `ICT Investments and Productivity: Measuring the Contribution of ICTs to Growth.´ *OECD Journal: Economic Studies, Vol. 2012/1.*

OECD. (2012). `Labour Losing to Capital: What Explains the Declining Labour Share?´ *2012 OECD Employment Outlook.*

United Nations. (2004). National Accounts: *A Practical Introduction.* New York.

atau hampir siap serta perbelanjaan yang lebih rendah untuk jentera dan kelengkapan pada tahun itu, terutamanya dalam subsektor utiliti dan pengangkutan udara. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas serta subsektor pengangkutan lain kekal kukuh pada tahun itu. Perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan mencerminkan terutamanya perbelanjaan modal yang lebih rendah dalam subsektor perdagangan dan industri, pengangkutan dan pendidikan. Dari segi projek, sebahagian besar perbelanjaan disalurkan kepada pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur pengangkutan, khususnya di kawasan luar bandar. Projek-projek lain termasuk pembangunan pertanian, di samping pembinaan sekolah baharu dan penambahbaikan kemudahan di institusi pengajian tinggi.

SEKTOR LUAR NEGERI

Pada tahun 2014, sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang masih tidak menentu. Lebihan perdagangan dan akaun semasa meningkat. Paras rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia kekal tinggi dan lebih daripada mencukupi untuk memenuhi obligasi luar negeri jangka pendek dan menyediakan penampan yang mencukupi terhadap kejutan luaran.

Prestasi sektor luar negeri pada tahun 2014 boleh dibahagikan kepada dua tempoh yang berbeza. Pada separuh tahun pertama, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM35.8 bilion, didorong oleh lebihan

Jadual 1.6

Imbangan Pembayaran[1]

Butiran	2013			2014*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	679.1	570.9	108.2	726.0	601.0	125.1
Perkhidmatan	126.8	143.5	-16.7	126.2	146.7	-20.5
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**806.0**	**714.4**	**91.5**	**852.2**	**747.7**	**104.5**
Pendapatan utama	47.5	81.6	-34.1	51.8	89.2	-37.4
Pendapatan sekunder	7.6	25.1	-17.5	10.3	27.9	-17.6
Imbangan akaun semasa	**861.0**	**821.1**	**39.9**	**914.3**	**864.8**	**49.5**
% daripada PNK			**4.2**			**4.8**
Akaun modal			-0.0			0.3
Akaun kewangan			-15.8			-76.5
Pelaburan langsung[2]			-5.5			-17.1
Aset			*-41.2*			*-51.3*
Liabiliti			*35.7*			*34.2*
Pelaburan portfolio			-3.0			-37.9
Aset			*-32.1*			*-28.3*
Liabiliti			*29.1*			*-9.6*
Derivatif kewangan			-0.3			-1.0
Pelaburan lain			-7.1			-20.6
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-15.8**			**-76.2**
Kesilapan dan ketinggalan[3]			-9.4			-9.8
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing			*18.6*			*7.6*
Kesilapan dan ketinggalan bersih sebagai % daripada jumlah perdagangan			*-0.7*			*-0.7*
Imbangan keseluruhan			**14.6**			**-36.5**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**441.9**			**405.3**
Nilai bersamaan dengan USD bilion			**134.9**			**115.9**

[1] Imbangan pembayaran disusun mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Aliran aset juga dirujuk sebagai `Pelaburan langsung ke luar´ sementara aliran liabiliti juga dirujuk sebagai `Pelaburan langsung masuk´
[3] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perdagangan yang lebih kukuh dalam keadaan defisit perkhidmatan dan pendapatan yang lebih rendah. Eksport kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 12.5%, menerusi trend yang bermula sejak suku ketiga tahun 2013. Prestasi pertumbuhan adalah menyeluruh dalam keadaan permintaan yang bertambah baik merentas seluruh pasaran dan produk.

Sektor luar negeri kekal berdaya tahan dalam persekitaran global yang masih tidak menentu

Pertumbuhan kukuh eksport E&E (ST1 2014: 13.2%) disokong terutamanya oleh permintaan terhadap semikonduktor yang bertambah baik apabila pengilang mempelbagaikan subsegmen produk mereka, dengan beralih daripada subsegmen komputer peribadi kepada beberapa subsegmen yang berkembang pesat seperti komponen automotif dan peranti mudah alih. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi serantau yang berterusan dan aktiviti eksport semula yang kukuh menyokong prestasi eksport perkilangan bukan E&E (ST1 2014: 13.4%) seperti eksport produk petroleum, jentera dan kelengkapan, kimia dan keluaran kimia dan kelengkapan optik dan saintifik. Harga yang lebih tinggi dan permintaan yang kukuh terhadap eksport komoditi utama Malaysia, terutamanya petroleum mentah dan LNG, juga telah menyokong prestasi eksport keseluruhan yang teguh pada separuh pertama tahun 2014.

Jadual 1.7

Perdagangan Luar Negeri

	2013	2014*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**2.5**	**6.4**
Perkilangan	5.7	7.3
Elektronik dan elektrik (E&E)[1]	*3.0*	*8.4*
Bukan E&E	*8.3*	*6.3*
Komoditi	-4.4	4.5
Pertanian	*-14.4*	*0.6*
Mineral	*4.2*	*7.3*
Import kasar	**6.9**	**5.3**
Barangan modal	2.2	-2.1
Barangan pengantara	4.3	7.6
Barangan penggunaan	8.8	5.7

[1] Termasuk jentera dan kelengkapan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Pertumbuhan import juga secara relatif tinggi pada separuh tahun pertama (ST1 2014: 7.1%). Eksport perkilangan yang kukuh dan aktiviti pelaburan dan penggunaan yang teguh telah menyumbang kepada pertumbuhan yang mantap dalam semua komponen utama import. Defisit perkhidmatan dan pendapatan mengecil pada tempoh itu, masing-masing disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan bersih yang lebih tinggi dan pembayaran pendapatan primer bersih yang lebih rendah. Peningkatan dalam penerimaan perjalanan bersih disebabkan oleh jumlah ketibaan pelancong yang lebih tinggi terutamanya pada suku pertama, sementara keuntungan lebih tinggi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri menyumbang kepada penurunan dalam pembayaran pendapatan bersih.

Pada separuh tahun kedua, lebihan akaun semasa mengecil kepada RM13.7 bilion. Pertumbuhan eksport yang perlahan (ST2 2014: 1.0%) sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas daripada separuh kedua tahun 2013 apabila eksport mula mencatat pertumbuhan yang kukuh, dan juga kesan harga minyak mentah yang lebih rendah pada suku keempat. Prestasi eksport E&E menjadi sederhana tetapi terus mencatat pertumbuhan positif (ST2 2014: 4.2%). Pertumbuhan import meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.6% pada ST2 2014, dalam keadaan import barangan modal dan penggunaan yang lembap, berikutan permintaan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, import barangan pengantara berkembang pada kadar yang lebih kukuh, didorong peningkatan aktiviti perkilangan dan penempatan semula operasi sebuah syarikat multinasional di Malaysia.

Satu perkembangan luaran yang penting pada separuh tahun kedua ialah penurunan harga minyak mentah dunia secara mendadak ke paras USD56.40 setong (Brent) pada 31 Disember 2014, paras paling rendah sejak Mei 2009. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak memberikan kesan yang ketara kepada imbangan perdagangan keseluruhan pada tahun 2014 kerana kesan harga minyak mentah yang lebih rendah terhadap eksport minyak mentah diikuti oleh penurunan harga import berkaitan dengan minyak. Walaupun Malaysia merupakan pengeksport bersih minyak mentah dengan eksport bersih berjumlah RM8.8 bilion pada tahun 2014, Malaysia masih

Rajah 1.3

Prestasi Eksport




a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.4

Prestasi Import



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


merupakan pengimport bersih produk petroleum dengan import bersih sebanyak RM9.7 bilion. Sementara itu, harga LNG dan Minyak Sawit Mentah (MSM), yang mencakupi sebahagian besar daripada imbangan perdagangan, secara relatif kekal tinggi pada tahun 2014 meskipun harga minyak mentah menurun, terus menyokong eksport komoditi keseluruhan.

Defisit perkhidmatan dalam akaun semasa menjadi lebih besar, didorong oleh penerimaan perjalanan bersih yang lebih rendah dan pembayaran pengangkutan bersih yang lebih tinggi. Kemalangan udara yang tragik yang berprofil tinggi merupakan faktor yang menyebabkan penurunan jumlah ketibaan pelancong pada separuh kedua tahun 2014, manakala perjalanan keluar yang lebih tinggi dicatat pada tempoh yang sama, lantas menyumbang kepada penurunan dalam penerimaan perjalanan bersih. Defisit pendapatan juga lebih besar pada separuh tahun kedua, disebabkan oleh keuntungan lebih tinggi diraih pelabur langsung asing di Malaysia yang lebih daripada mengimbangi pendapatan yang diperoleh oleh syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri.

Secara keseluruhan, akaun semasa mencatat lebihan lebih besar sebanyak RM49.5 bilion atau 4.8% daripada pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2014 (2013: RM39.9 bilion atau 4.2% daripada PNK), seperti yang dicerminkan oleh lebihan tabungan-pelaburan (T-P) yang lebih besar. Tabungan negara kasar meningkat 7.3% kepada 30.9% daripada PNK (2013: masing-masing -0.4% dan 31.2% daripada PNK), manakala jumlah pembentukan modal kasar meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.8% (2013: 5.4%). Lebihan yang lebih besar bagi T-P sektor swasta, yang lebih daripada mengimbangi defisit T-P sektor awam, menyumbang kepada lebihan T-P yang lebih tinggi pada tahun 2014. Tabungan sektor swasta meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 18.3% kepada RM235.7 bilion (2013: masing-masing -1.7% dan RM199.3 bilion), manakala pembentukan modal kasar swasta berkembang sebanyak 10.2% (2013: 7.1%). Sebaliknya, tabungan sektor awam dan pembentukan modal kasar menguncup pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, tabungan sektor awam mencatat penurunan yang lebih besar sebanyak 14.9% kepada RM83.5 bilion, disebabkan oleh lebihan operasi perusahaan awam yang lebih rendah, berbanding dengan penurunan sebanyak 3.3% dalam pembentukan modal kasar awam (2013: masing-masing +2.2% dan +3.1%).

Rajah 1.5

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia


Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terus mengalami aliran modal dua hala dalam persekitaran pasaran kewangan global yang tidak menentu pada tahun 2014. Dalam akaun kewangan, aliran pelaburan jangka panjang kekal besar, terutamanya dalam bentuk pelaburan langsung asing. Pasaran modal negara yang mendalam, prestasi pertumbuhan yang berdaya tahan dan langkah pembaharuan struktur dan fiskal yang berterusan turut menarik pelaburan portfolio oleh pelabur antarabangsa. Walau bagaimanapun, pelaburan portfolio jangka pendek ini tertakluk kepada turun naik yang tinggi dalam pasaran kewangan antarabangsa, terutamanya pada separuh tahun kedua. Pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia dan pengambilalihan aset portfolio oleh pelabur dalam negeri telah meningkat pada tahun itu. Secara keseluruhan, perkembangan ini menyebabkan aliran keluar bersih sebanyak RM76.5 bilion dalam akaun kewangan bagi tahun 2014 (2013: aliran keluar bersih RM15.8 bilion).

Meskipun pertumbuhan global adalah tidak menentu pada tahun 2014, daya tahan dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil terus menyokong keyakinan pelabur asing. Keadaan ini mendorong aliran pelaburan masuk langsung yang berterusan sebanyak RM34.2 bilion, atau 3.3% daripada PNK (2013: aliran masuk RM35.7 bilion, atau 3.7% daripada PNK). Aliran ini sebahagian besarnya dalam bentuk pelaburan langsung asing (FDI), melalui suntikan modal ekuiti, manakala keuntungan syarikat multinasional (MNC) yang berterusan menghasilkan perolehan yang terus menggalakkan untuk tujuan pelaburan semula. Pada tahun itu, FDI disalurkan terutamanya untuk membiayai aktiviti penerokaan dan pengekstrakan dalam sektor perlombongan, menyokong pengambilalihan strategik dalam subsektor kewangan serta pelaburan dalam subsektor perkhidmatan perdagangan edaran. Sementara itu, FDI sektor perkilangan menjadi sederhana pada tahun itu. Dari segi negara sumber, aliran FDI ini adalah daripada ekonomi maju, khususnya Belanda. Dalam kalangan negara Asia, terdapat pelaburan yang agak besar dari Singapura dan Hong Kong.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar mencatat aliran keluar yang lebih tinggi sebanyak RM51.3 bilion, atau 5.0% daripada PNK (2013: aliran keluar RM41.2 bilion atau 4.3% daripada PNK). Aliran keluar ini terdiri terutamanya daripada pelaburan langsung ke luar negeri (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia. DIA yang lebih tinggi ini disokong oleh pemberian pinjaman antara syarikat yang lebih besar kepada syarikat subsidiari yang beroperasi di luar negeri, dalam keadaan modal ekuiti dan perolehan yang disimpan di luar negeri untuk pelaburan semula yang secara relatifnya mampan. DIA dalam sektor perlombongan kekal besar disebabkan oleh

Rajah 1.6

Pelaburan Langsung Asing Bersih Mengikut Sektor[1]




[1] Pelaburan langsung asing seperti ditakrifkan mengikut Manual Imbangan Pembayaran Edisi Kelima (BPM5) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.7

Pelaburan Langsung ke Luar Negeri Bersih Mengikut Sektor[1]



[1] Pelaburan langsung ke luar negeri seperti yang ditakrifkan mengikut Manual Imbangan Pembayaran Edisi Kelima (BPM5) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Merujuk kepada sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pengembangan yang berterusan dalam operasi antarabangsa oleh syarikat minyak dan gas Malaysia. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan tertumpu terutamanya pada segmen maklumat dan komunikasi di India, serta subsektor perkhidmatan kewangan dalam ekonomi serantau.


Aliran pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin menunjukkan turun naik yang ketara pada tahun 2014, terutamanya disebabkan oleh faktor luaran. Pada bulan Januari, kebimbangan yang meluas tentang pengaturan masa dan pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif (Quantitative Easing, QE) oleh Fed telah mendorong pelabur antarabangsa mengimbangi semula aset portfolio dengan ketara, lantas menyebabkan aliran keluar daripada ekonomi sedang pesat membangun secara keseluruhannya. Namun begitu, meskipun program QE telah dikecilkan dan akhirnya dihentikan oleh Fed, asas-asas dalam negeri Malaysia yang secara relatifnya teguh dan juga sedikit sebanyak peningkatan jangkaan bahawa OPR akan dinaikkan, telah menarik pelaburan portfolio asing bagi sebahagian besar tahun itu. Aliran masuk bersih pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin berjumlah RM11 bilion pada tiga suku pertama tahun 2014. Aliran masuk ini disalurkan terutamanya ke pasaran sekuriti hutang awam, sekali gus menyebabkan pemegangan sekuriti hutang awam dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin meningkat kepada 27.5% daripada jumlah sekuriti hutang awam terkumpul pada bulan Julai (akhir tahun 2013: 25.7%). Penyertaan asing dalam pasaran ekuiti meningkat kepada 24.1% daripada jumlah permodalan pasaran pada pertengahan bulan Julai (akhir tahun 2013: 23.9%), sejajar dengan peningkatan KLCI, yang mencapai paras tertinggi iaitu 1,892.7 mata pada bulan yang sama (akhir tahun 2013: 1,867.0 mata).

Walau bagaimanapun, pada bulan September, sentimen pelabur beralih menjadi negatif. Kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang semakin lemah dan kemungkinan dasar monetari dikembalikan pada paras yang wajar di Amerika Syarikat, telah mendorong aliran keluar pelaburan portfolio dan seterusnya penyusutan nilai mata wang kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun (Emerging Market Economies, EME). Di Malaysia, keyakinan pelabur terus terjejas oleh penurunan harga minyak secara mendadak. Faktor-faktor ini telah mendorong aliran keluar yang besar menjelang akhir bulan November dan pada awal bulan Disember. Akibatnya, pada suku keempat, pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mengalami aliran keluar bersih sebanyak RM20.6 bilion, terutamanya daripada penjualan dan pelupusan pemegangan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) yang telah matang. Akibatnya, pemegangan BNMN oleh bukan pemastautin menurun kepada 56.6% daripada jumlah BNMN terkumpul pada akhir tahun 2014 (2013: 72.5%). Terbitan BNMN ialah sebahagian daripada operasi dasar monetari Bank Negara Malaysia untuk menampung lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan. Penjualan BNMN oleh bukan pemastautin tidak memberikan kesan yang nyata kepada kadar hasil bon, lantas tidak menimbulkan kesan yang ketara kepada kestabilan kewangan. Secara keseluruhannya, pemegangan instrumen hutang awam oleh bukan pemastautin menurun kepada 23% daripada jumlah sekuriti hutang awam terkumpul pada akhir tahun 2014 (akhir bulan September 2014: 25.9%). Walau bagaimanapun, penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti kekal stabil, iaitu kira-kira 24% daripada jumlah permodalan pasaran, walaupun KLCI telah jatuh sebanyak 5.7% untuk ditutup pada 1,761.3 mata. Bagi tahun 2014 secara keseluruhannya, pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9.6 bilion (2013: aliran masuk bersih RM29.1 bilion).

Pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran keluar sebanyak RM28.3 bilion pada tahun 2014 (2013: -RM32.1 bilion) kerana pelabur institusi domestik, termasuk syarikat amanah saham dan syarikat pengurusan dana, meneruskan strategi untuk mempelbagaikan

Rajah 1.8

Pelaburan Portfolio



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

portfolio mereka ke dalam ekuiti global dan aset pendapatan tetap untuk meningkatkan nilai pulangan kepada pelabur masing-masing. Secara kolektif, pelaburan portfolio pemastautin dan bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM37.9 bilion pada tahun 2014 (2013: aliran keluar bersih sebanyak RM3.0 bilion).

Meskipun turun naik yang lebih besar dalam pasaran kewangan global telah menyumbang kepada perubahan besar dalam aliran portfolio Malaysia, kesan ke atas pasaran kewangan domestik telah diimbangi oleh peranan pelabur institusi tempatan yang meneruskan permintaan terhadap aset kewangan domestik. Tambahan pula, pasaran kewangan domestik yang mendalam dan pelbagai dapat menampung jumlah kasar aliran modal yang besar, seperti yang diperhatikan dalam ekonomi benar apabila pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan terus dapat berfungsi tanpa gangguan. Sementara itu, paras rizab antarabangsa yang tinggi bertindak sebagai penampan untuk mencegah turun naik yang keterlaluan dalam kadar pertukaran dalam tempoh kebalikan aliran jangka pendek yang besar. Selain itu, pelarasan nilai ringgit juga telah menampung sebahagian daripada kejutan yang berpunca daripada pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu. Oleh itu, kadar pertukaran yang lebih fleksibel, pasaran kewangan yang lebih mendalam, sistem perbankan yang kukuh, penampan rizab antarabangsa yang mencukupi dan ketersediaan instrumen dasar yang lebih banyak telah memperkukuh daya tahan Malaysia terhadap pergerakan aliran modal yang mendadak dan memastikan ekonomi benar tidak terjejas akibat turun naik tersebut.

Pelaburan lain turut mencatat aliran keluar sebanyak RM20.6 bilion (2013: aliran keluar RM7.1 bilion), apabila pemberian kredit perdagangan bersih dan pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh sektor awam telah lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih yang diterima oleh sektor perbankan. Pada tahun 2014, aliran masuk bersih dalam sektor perbankan adalah terutamanya daripada penempatan deposit oleh bukan pemastautin dan peminjaman antara bank untuk mengurus dedahan mudah tunai pertukaran asing mereka.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM36.5 bilion pada tahun 2014 (2013: +RM14.6 bilion). Kesilapan dan Ketinggalan (Errors and Omissions, E&O) berjumlah -RM9.8 bilion atau -0.7% daripada jumlah perdagangan, yang sebahagiannya mencerminkan penambahan nilai rizab antarabangsa disebabkan penilaian semula pertukaran asing. Tidak termasuk penambahan daripada penilaian semula, E&O berjumlah -RM17.4 bilion atau -1.2% daripada jumlah perdagangan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM405.3 bilion (bersamaan dengan USD115.9 bilion) pada akhir tahun 2014 (akhir tahun 2013: RM441.9 bilion atau bersamaan dengan USD134.9 bilion). Penurunan rizab pada tahun itu mencerminkan secara relatif aliran keluar modal bersih yang lebih tinggi yang mengimbangi lebihan akaun semasa. Paras rizab pada akhir tahun 2014 juga telah mengambil kira penambahan nilai rizab antarabangsa terkumpul yang belum direalisasikan disebabkan penilaian semula pertukaran asing berikutan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau, terutamanya pada suku keempat 2014. Pada 27 Februari 2015, paras rizab berjumlah RM386.0 bilion (bersamaan dengan USD110.5 bilion). Paras rizab, yang lebih daripada mencukupi dan terus boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya, adalah mencukupi untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri terurus


Mulai suku pertama 2014[2], hutang luar negeri Malaysia telah didefinisikan semula supaya selaras dengan amalan terbaik antarabangsa pada masa ini. Hutang luar negeri yang didefinisikan semula ini lebih mencerminkan kedalaman dan keluasan pasaran kewangan Malaysia yang semakin meningkat di samping peningkatan penyertaan pelabur asing dalam sekuriti hutang domestik. Yang ketara, kira-kira dua pertiga daripada peningkatan jumlah hutang luar negeri hasil daripada definisi semula ini disumbang oleh pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin, khususnya MGS dan BNMN, sebagai hutang luar negeri.

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM744.7 bilion pada akhir tahun 2014 (akhir tahun 2013: RM696.6 bilion), yang bersamaan dengan USD211.0 bilion atau 69.6% daripada KDNK. Pada tahun 2014, peningkatan hutang luar negeri disebabkan sebahagiannya oleh kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit, terutamanya

[2] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk `Definisi Semula Hutang Luar Negeri´ dalam Buletin Suku Tahunan Perkembangan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada suku pertama 2014.

Rajah 1.9

Hutang Luar Negeri Terkumpul (akhir tempoh)




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada suku keempat 2014. Penyusutan nilai ini menjejaskan terutamanya peminjaman luar pesisir, yang meningkat kepada RM367.1 bilion pada akhir tahun 2014 (akhir tahun 2013: RM324.1 bilion). Tanpa mengambil kira perubahan penilaian semula pertukaran asing, peningkatan dalam peminjaman luar pesisir mencerminkan sebahagian besarnya ambilan bersih peminjaman luar pesisir oleh bank-bank dan sektor swasta bukan bank. Peningkatan deposit bukan pemastautin dalam sistem perbankan juga telah menyumbang kepada hutang luar negeri yang lebih tinggi.

Peminjaman jangka sederhana dan panjang luar pesisir adalah lebih tinggi disebabkan pinjaman

Rajah 1.10

Pemegangan Sekuriti Hutang Domestik oleh Bukan Pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia

bersih oleh sektor swasta, yang sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik bersih oleh sektor awam. Kerajaan Persekutuan terus mencatat kedudukan pembayaran balik bersih untuk pinjaman luar pesisirnya. Pada akhir tahun 2014, pinjaman luar pesisir Kerajaan Persekutuan kekal kecil, iaitu 4.6% daripada jumlah pinjaman luar pesisir dan 1.6% daripada KDNK. Perusahaan awam kembali turut mencatat pembayaran balik bersih pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh kematangan

Jadual 1.8

Hutang Luar Negeri Terkumpul


	2013	2014
	RM bilion	
Pinjaman luar pesisir[1]	324.1	367.1
Jangka sederhana dan panjang	*196.0*	*210.9*
Sektor awam	98.9	93.1
Sektor swasta	97.1	117.8
Jangka pendek	*128.1*	*156.2*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	229.7	223.3
Jangka sederhana dan panjang	*151.1*	*162.4*
Jangka pendek	*78.6*	*60.9*
Deposit bukan pemastautin	77.3	87.7
Lain-lain[2]	65.5	66.7
Jangka sederhana dan panjang	*10.7*	*10.6*
Jangka pendek	*54.8*	*56.0*
Jumlah hutang luar negeri	**696.6**	**744.7**
Bersamaan dengan USD bilion	*209.8*	*211.0*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)		
Jumlah hutang/KDNK (%)	32.8	34.3
Hutang jangka pendek[3]/Jumlah hutang (%)	39.5	42.6
Rizab/Hutang jangka pendek[3] (kali)	3.4	2.5[5]
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)	10.4	10.8
Hutang luar negeri (Definisi semula)		
Jumlah hutang/KDNK (%)	70.6	69.6
Hutang jangka pendek[4]/Jumlah hutang (%)	48.6	48.4
Rizab/Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.3	1.1[5]
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)	17.6	18.2

[1] Bersamaan dengan definisi hutang luar negeri terdahulu, terdiri terutamanya daripada hutang mata wang asing diperoleh, dan bon dan nota terbitan luar pesisir
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain
[3] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek
[4] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa sehingga 27 Februari 2015

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11

Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia


beberapa bon dan sukuk pada suku ketiga. Bank dan syarikat bukan bank menyumbang kepada peminjaman luar pesisir yang lebih tinggi oleh sektor swasta. Bagi bank, ini berpunca daripada usaha mereka untuk mempelbagaikan struktur kematangan obligasi hutang bagi pendanaan mereka. Bagi syarikat sektor swasta, beberapa faktor telah menyumbang kepada peningkatan pinjaman luar pesisir. Ini termasuk kos dana yang lebih rendah, terma pinjaman yang menggalakkan dan keperluan untuk membiayai pengembangan operasi mereka di luar negeri. Walau bagaimanapun, pinjaman ini kekal pada paras yang mampan memandangkan 70% daripada pinjaman luar pesisir sektor korporat ini diperoleh daripada pemegang saham luar pesisir, syarikat induk dan syarikat bersekutu. Selain itu, risiko berkaitan dengan turun naik kadar pertukaran adalah minimum bagi syarikat ini kerana sebahagian besarnya telah dilindung nilai, sama ada lazimnya melalui perolehan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan.

Peningkatan peminjaman luar pesisir jangka pendek antara bank tidak mendatangkan apa-apa risiko kerana pinjaman ini hanya bahagian yang kecil daripada jumlah pendanaan sistem perbankan. Bank tempatan dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign banks) terus bergantung terutamanya pada deposit ringgit untuk pendanaan. Peminjaman luar pesisir jangka pendek antara bank terutamanya mencerminkan operasi pengurusan mudah tunai mata wang asing secara berpusat. Di bawah pengaturan ini, semakin banyak syarikat subsidiari dan cawangan luar pesisir bank domestik menempatkan dana dengan ibu pejabat mereka di Malaysia. Ini disifatkan sebagai pengurusan mudah tunai mata wang asing yang lebih kos efektif dan cekap. Bagi bank asing yang diperbadankan di Malaysia yang beroperasi di negara ini, peminjaman ini mencerminkan penempatan deposit oleh entiti luar negeri dalam kumpulan perbankan mereka, termasuk pengaturan pembiayaan dengan bank induk. Oleh itu, deposit bukan pemastautin berjumlah RM87.7 bilion pada akhir tahun 2014 (akhir tahun 2013: RM77.3 bilion) adalah sebahagiannya disebabkan oleh pengaturan itu.

Dalam keadaan prospek pertumbuhan di Malaysia yang menggalakkan, pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin meningkat dengan kukuh, khususnya pada tiga suku pertama tahun 2014. Walau bagaimanapun, trend ini telah beralih arah pada suku keempat berikutan sentimen pelabur yang semakin lemah dalam

Rajah 1.12

Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Sektor



[1] Termasuk liabiliti hutang lain, selain peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan


Sumber: Bank Negara Malaysia

keadaan peningkatan ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan global, jangkaan bahawa dasar monetari akan dikembalikan semula kepada keadaan yang wajar di AS dan penurunan mendadak harga minyak. Walau bagaimanapun, pelupusan pemegangan oleh bukan pemastautin pada suku keempat, sebahagian besarnya terhad kepada BNMN, manakala pemegangan MGS oleh bukan pemastautin menurun sedikit.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus dan berisiko rendah terhadap ekonomi. Memandangkan 41% daripada hutang luar negeri Malaysia dalam nilai ringgit, kesan turun naik pertukaran asing terhadap hutang luar negeri Malaysia adalah terkawal. Ujian tekanan yang dijalankan ke atas peminjam korporat bukan bank yang besar menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini akan terus berdaya tahan. Malahan penyusutan nilai ringgit yang teruk berbanding dengan dolar AS akan hanya memberikan kesan yang terhad kepada keupayaan menjelaskan hutang dan kedudukan kesolvenan mereka. Di samping itu, profil kematangan hutang luar negeri Malaysia kekal teguh, dengan lebih daripada separuh tertumpu pada tempoh jangka sederhana dan panjang. Risiko berkaitan dengan hutang luar negeri jangka pendek adalah terurus. Peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin mencakupi 63% daripada hutang luar negeri jangka pendek dan merupakan bahagian kecil daripada jumlah pendanaan bank. Di samping itu, 52% daripada deposit bukan pemastautin adalah dalam mata wang ringgit. Tambahan pula, pemegangan instrumen pasaran wang oleh bukan pemastautin mencerminkan operasi dasar monetari BNM untuk menampung lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan.

Rajah 1.13

Pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Nota Monetari Bank Negara dan Sekuriti Ekuiti oleh Bukan Pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kredit perdagangan, yang membentuk sebahagian besar daripada komponen `Liabiliti hutang jangka pendek lain´ hutang luar negeri, secara relatif kekal mampan pada tahun 2014. Kredit perdagangan mencakupi bahagian yang kecil daripada hutang luar negeri jangka pendek dan pada asasnya adalah sejajar dengan aktiviti import. Lebih penting lagi, kredit perdagangan ini biasanya disokong oleh pendapatan eksport.

Secara keseluruhan, meskipun paras hutang luar negeri Malaysia meningkat, penunjuk keberhutangan luar negeri terus berada dalam lingkungan penanda aras antarabangsa bagi kehematan dan kekukuhan sektor luar negeri. Ini termasuk penampan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dengan liputan rizab antarabangsa 1.1 kali daripada hutang luar negeri jangka pendek dan nisbah khidmat bayaran hutang keseluruhan yang rendah, iaitu 18.2% daripada eksport barangan dan perkhidmatan (2013: 17.6%).

Daya tahan terhadap kejutan luaran

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka dan dalam keadaan integrasi dengan ekonomi dan pasaran kewangan global yang semakin meningkat, Malaysia tidak dapat mengelak daripada ketidaktentuan dan risiko yang berpunca daripada persekitaran luaran. Walau bagaimanapun, tahap daya tahan, penampan dan fleksibiliti yang lebih tinggi yang telah diperkukuh sejak beberapa tahun yang lalu telah memantapkan kedudukan negara untuk berdepan dengan kejutan luaran tersebut. Asas-asas dalam negeri terus teguh, lantas meningkatkan daya tahan terhadap kelemahan yang mungkin berlaku daripada sektor luar negeri. Pasaran modal yang maju, pengantara kewangan yang kukuh, dan kehadiran pelabur institusi domestik yang besar memberikan daya tahan yang lebih kuat kepada sistem kewangan. Kepelbagaian instrumen monetari, paras rizab antarabangsa yang tinggi dan paras hutang luar negeri yang terkawal turut memberikan fleksibiliti dasar kepada negara untuk menyerap kejutan luar.

PERKEMBANGAN INFLASI


Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata 3.2% pada tahun 2014 (2013: 2.1%), iaitu pada paras yang lebih rendah dalam julat ramalan 3 – 4% yang diunjurkan oleh Bank. Inflasi keseluruhan terus meningkat pada tiga bulan pertama tahun 2014 berikutan pelarasan menaik yang dibuat terhadap harga ditadbir pada bulan September 2013 dan Januari 2014. Walau bagaimanapun, kadar inflasi mencapai paras tertinggi, iaitu pada 3.5% pada bulan Mac, sebelum stabil pada sekitar 3.3% dari bulan April hingga Ogos. Inflasi kemudiannya menjadi sederhana pada purata 2.8% pada empat bulan terakhir tahun 2014. Keadaan ini berikutan penurunan dalam inflasi makanan serta luputnya kesan daripada pelarasan harga bahan api yang dilaksanakan pada bulan September 2013. Meskipun harga bahan api dinaikkan pada bulan Oktober, namun harga petrol diturunkan semula pada bulan Disember ekoran harga minyak global semasa yang lebih rendah. Pelarasan ini dibuat susulan pelaksanaan mekanisme penentuan harga apungan terurus bagi bahan api. Tekanan permintaan adalah sederhana, dengan inflasi teras[3] meningkat kepada 2.4% pada tahun 2014 (2013: 1.8%), berikutan kesan limpahan daripada pelarasan harga ditadbir dan kadar sewa yang lebih tinggi.

Dari segi komponen, peningkatan inflasi keseluruhan pada tahun 2014 disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan; minuman alkohol dan tembakau;* serta *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*, yang secara bersama mencakupi 90% daripada keseluruhan peningkatan inflasi. Kategori *pengangkutan* mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi, iaitu

[3] Inflasi teras cuba untuk mengukur kadar inflasi asas, setelah dikeluarkan barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir, iaitu barangan yang pergerakan harganya mungkin tidak ada kaitan dengan perubahan dalam keadaan permintaan. Walau bagaimanapun, memandangkan pemisahan yang jelas antara inflasi berkaitan permintaan dengan inflasi berkaitan penawaran tidak mungkin dapat dilakukan, harga barangan dan perkhidmatan dalam kumpulan IHP teras mungkin turut menggambarkan kesan daripada perubahan sementara dalam faktor kos dan penawaran, seperti penambahbaikan dalam keadaan penawaran, gangguan bekalan dan pelarasan harga.

Rajah 1.14

Inflasi Harga Pengguna




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

4.9% (2013: 2.0%) disebabkan oleh harga runcit bahan api yang lebih tinggi pada tahun itu. Inflasi dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* turut meningkat dengan ketara sebanyak hampir dua kali ganda kepada 11.6% (2013: 6.0%), sebahagian besarnya disebabkan oleh harga rokok yang lebih tinggi. Inflasi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* juga meningkat kepada 3.4% pada tahun 2014 (2013: 1.7%), berikutan pelarasan menaik dalam tarif elektrik

Rajah 1.15

Sumbangan kepada Inflasi



Nota: Lain-lain merujuk kepada *komunikasi; pakaian dan kasut; kesihatan; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; restoran dan hotel; pendidikan;* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dan peningkatan menyeluruh kadar sewa merentas pelbagai jenis harta kediaman. Secara keseluruhan, lapan daripada dua belas kategori barangan dan perkhidmatan pengguna mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2014.

Dari segi penentu, inflasi pada tahun 2014 didorong terutamanya oleh faktor kos dalam negeri yang berpunca daripada pelarasan menaik terhadap harga beberapa barangan yang ditadbir sejak akhir tahun 2013 (Jadual 1.9). Pelarasan harga ini sedikit sebanyak menyebabkan kesan limpahan terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain, terutamanya dalam kategori *restoran dan hotel* serta *pakaian dan kasut*. Walau bagaimanapun, tahap kesan limpahan ini didapati terkawal memandangkan pelarasan harga tersebut dibuat dalam keadaan tekanan harga global yang lemah dan tekanan permintaan dalam negeri yang sederhana.

Tekanan harga global pada tahun 2014 adalah lemah berikutan penurunan harga komoditi global. Inflasi di negara rakan import utama Malaysia juga lebih rendah, berikutan penurunan harga komoditi global dan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.


Jadual 1.9

Pelarasan Harga Ditadbir pada Akhir Tahun 2013 dan 2014

Tarikh	Butiran	Kuantum Pelarasan	
		RM	%
3 September 2013	Petrol RON95 Diesel	+20 sen/liter +20 sen/liter	10.5 11.1
30 September 2013	Rokok	+RM1.50/pek 20 batang	14.3
26 Oktober 2013	Gula	+34 sen/kg	13.6
1 Januari 2014	Elektrik	Purata 3 sen/kWh bagi isi rumah	10.6
2 Oktober 2014	Petrol RON95 Diesel	+20 sen/liter +20 sen/liter	9.5 10.0
5 November 2014	Rokok	+RM1.50/pek 20 batang	12.5
1 Disember 2014	Petrol RON95 Diesel	-4 sen/liter +3 sen/liter	-1.7 1.4

Rajah 1.16

Permintaan, Penawaran dan Harga Minyak Mentah Global



Sumber: International Energy Agency (IEA) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Penurunan harga komoditi global ini disokong oleh pengembangan dalam bekalan komoditi berbanding dengan peningkatan sederhana dalam permintaan global. Secara khusus, pertumbuhan sederhana dalam permintaan global terhadap makanan, tanpa sebarang gangguan yang ketara terhadap bekalan makanan, menyebabkan harga makanan global menjadi lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan melalui penurunan sebanyak 4.1% dalam Indeks Harga Makanan IMF[4]. Harga minyak mentah global juga menurun pada tahun 2014 kepada purata USD96 setong (2013: USD104 setong)[5]. Yang ketara ialah penurunan harga minyak mentah global yang mendadak selepas bulan Jun, sehingga mencecah purata USD61 setong menjelang bulan Disember[6]. Penurunan harga minyak sebahagian besarnya berpunca daripada pengeluaran minyak *shale* yang meningkat di Amerika Syarikat dalam keadaan bekalan minyak yang masih banyak dari negara anggota OPEC, yang mendorong pengeluaran minyak melebihi peningkatan sederhana dalam permintaan minyak (Rajah 1.16). Hasilnya, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) hanya mencatat peningkatan yang sederhana sebanyak 1.4% pada tahun 2014 (2013: -1.7%) dan mencatat trend menurun pada separuh kedua tahun itu, berikutan penurunan harga komoditi dalam tempoh tersebut (Rajah 1.17).

[4] Indeks Harga Makanan IMF merangkumi indeks harga bijirin, minyak sayur-sayuran, daging, makanan laut, gula, pisang dan oren.

[5] Purata mudah bagi harga minyak mentah *Dated Brent, West Texas Intermediate* dan *Dubai Fateh*.

[6] Harga minyak mentah global naik pada separuh pertama tahun 2014 ekoran ketegangan geopolitik yang meningkat di negara pengeluar minyak utama di Timur Tengah.

Jadual 1.10


Langkah-langkah Kerajaan untuk Membendung Kenaikan Harga

	Langkah-langkah	Tujuan
1	• Penguatkuasa pelaksanaan *Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011* dan *Akta Persaingan 2010* dengan giat	Meminimumkan kejadian pencatutan dan menggalakkan perdagangan saksama
2	• Jualan produk pertanian secara langsung kepada pengguna melalui pasar tani dan agrobazaar FAMA • Memperkenalkan program mingguan lelongan sayur-sayuran di pusat-pusat operasi urus niaga FAMA	Menambah baik kecekapan pengedaran untuk mengawal kenaikan harga makanan domestik
3	• Membangunkan Portal Pengguna Bijak 1Malaysia (1MPB)	Memperkasakan kuasa pengguna dengan memberikan maklumat mengenai harga
4	• Menambah bilangan Klinik 1Malaysia • Menambah bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan melancarkan Mobile KR1M • Menawarkan sarapan pagi dan makanan tengah hari pada harga yang berpatutan melalui Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)	Meningkat akses kepada barangan keperluan pada harga yang berpatutan

Tekanan permintaan pada tahun 2014 adalah stabil berikutan pertumbuhan penggunaan swasta yang mampan. Kapasiti produktif dalam ekonomi negara juga adalah mencukupi untuk membendung tekanan permintaan. Keadaan ini ditunjukkan oleh pertumbuhan pengeluaran yang secara relatif hampir pada paras potensinya dan kadar penggunaan kapasiti yang stabil pada 79% (2013: 79%) dalam sektor perkilangan.

Rajah 1.17

Inflasi Harga Pengeluar dan Inflasi Harga Komoditi Utama IMF



Nota: 1. Komponen berkaitan komoditi dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merangkumi *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan; bahan api galian, pelincir, dll.*; dan *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran*
2. Komponen bukan komoditi dalam IHPR merangkumi *makanan; minuman dan tembakau; bahan kimia; barang-barang keluaran kilang; jentera dan kelengkapan pengangkutan; pelbagai barang keluaran kilang;* dan *pelbagai urus niaga dan barangan*


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Negara Malaysia

Tahap kesan limpahan terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain juga diimbangi oleh keupayaan firma menampung sebahagian daripada peningkatan tekanan kos dalam negeri. Keadaan ini disumbangkan oleh dua faktor. Pertama, hasil daripada kaji selidik Bank menunjukkan kos pengangkutan dan utiliti mencakupi bahagian yang secara relatifnya kecil daripada jumlah kos operasi firma, lantas membolehkan firma menanggung sebahagian daripada kos yang lebih tinggi itu. Kedua, firma menyatakan bahawa mereka telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan produktiviti. Kesan limpahan yang terkawal ini turut menunjukkan usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan kenaikan harga tidak berlebihan dan tidak menyeluruh (Jadual 1.10). Oleh yang demikian, bahagian daripada barangan IHP teras yang mencatat kadar inflasi melebihi 3% sepanjang tahun 2014 berada pada purata jangka panjangnya sebanyak 25% (Rajah 1.18).

Dengan jangkaan inflasi mencatat trend menaik berikutan beberapa kejutan harga pada tahun 2014, satu kebimbangan utama ialah risiko kesan pusingan kedua terhadap inflasi. Walau bagaimanapun, penilaian menunjukkan risiko sedemikian adalah rendah disebabkan oleh kesan limpahan yang terkawal dan tiada tekanan ke atas upah yang berlebihan. Gaji eksekutif dan juga bukan eksekutif terus meningkat pada tahun 2014,

Rajah 1.18

Peratusan Komponen IHP Teras yang Mencatat Inflasi Melebihi 3%



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

namun pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 5.4% (2013: 6.6%). Tekanan upah yang lebih sederhana menunjukkan keadaan pasaran pekerja yang tidak ketat. Meskipun kadar pengangguran semakin berkurang, Bank mendapati kadar penyertaan pekerja kekal sedikit di bawah paras trend jangka panjangnya dan kekosongan jawatan yang lebih rendah berbanding dengan pengangguran. Dari segi struktur, kenaikan upah ditentukan terutamanya oleh prestasi pekerja dan keberuntungan syarikat. Semua faktor ini membantu mengurangkan kenaikan upah yang berlebihan. Malahan, peningkatan dalam jangkaan inflasi, yang dikenal pasti daripada Kaji Selidik Sentimen Pengguna oleh Bank[7], ternyata hanyalah sementara dengan jangkaan inflasi menjadi semakin stabil menjelang akhir tahun 2014.

[7] Bank Negara Malaysia telah menjalankan kaji selidik bulanan terhadap isi rumah mulai tahun 2013 untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan sentimen dan jangkaan pengguna terhadap keadaan ekonomi Malaysia secara keseluruhan.